

**SULIT**



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2011/2012**

**NAMA KURSUS** : **PENGAJIAN ISLAM**

**KOD KURSUS** : **UWA10102/UMA1182**

**PROGRAM** : **1 DEC**  
**2 DEC**  
**3 DEC**

**TARIKH PEPERIKSAAN** : **JUN 2012**

**JANGKA MASA** : **2 JAM**

**ARAHAN** : **A) JAWAB SEMUA SOALAN  
DALAM BORANG OMR  
YANG DISEDIAKAN  
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS  
SOALAN INI KELUAR DARI  
DEWAN PEPERIKSAAN**

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUH BELAS (17) MUKA SURAT**

**SULIT**

- S1** Menjadikan Islam sebagai ad-Deen bererti menjadikan Islam sebagai
- A cara hidup dalam ibadat khusus
  - B cara hidup dalam semua aspek kehidupan
  - C agama rasmi sesebuah masyarakat dan negara
  - D cara hidup dalam perundangan jenayah dan sosial
- S2** '*Istaslama*' dalam bahasa Arab bermaksud
- A aman dan damai
  - B tunduk dan taat
  - C selamat dan sejahtera
  - D sejahtera dan harmoni
- S3** Islam dari segi istilah adalah menyerah diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t. dengan
- A mentauhidkanNya, taat, tunduk dan patuh, keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh
  - B mentauhidkanNya, taat, tunduk dan patuh serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w
  - C keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w
  - D taat, tunduk dan patuh, keikhlasan yang lahir dalam diri secara menyeluruh serta beriman kepada ajaranNya yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w
- S4** Apakah yang dimaksudkan dengan ijma?
- A Persefahaman mujahid untuk menentukan suatu hukum syarak
  - B Kesepakatan seluruh mujtahid untuk menentukan suatu hokum syarak
  - C *Ittifaq* seluruh mujtahid selepas kewafatan baginda Nabi Muhammad s.a.w. pada suatu zaman terhadap sesuatu hukum syarak.
  - D Persetujuan ulama mujtahid untuk menentukan perkara-perkara hukum yang disepakati selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.
- S5** Berikut adalah antara ciri-ciri kesempurnaan Islam **kecuali**
- A ciptaan dari Allah s.w.t
  - B berasaskan wahyu Allah
  - C lengkap dan menyeluruh
  - D diasaskan oleh Nabi Muhammad s.a.w

S6 Apakah maksud ijtihad?

- A Usaha untuk melakukan pembaharuan terhadap hukum syariah Islam
- B Perbuatan untuk melakukan penetapan hukum berdasarkan asas-asas Islam
- C Usaha mengeluarkan hukum terhadap sesuatu perkara yang tidak dinyatakan dalam nas
- D Usaha berterusan untuk melakukan ijmak terhadap sumber-sumber ajaran Islam selepas kewafatan baginda Rasulullah s.a.w.

S7 Berikut merupakan satu daripada keistimewaan Al-Quran.

- A Manqul biahad
- B Manqul bilaahad
- C Manqul bitawatir
- D Manqul bilatawatir

S8 Apakah fungsi al-hadith?

- I Penghurai dan pentafsir bagi ayat-ayat al-Quran yang umum
- II Penguat dan penyokong kepada hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran.
- III Menentukan sesuatu hukum yang tidak dinyatakan dalam al-Quran
- IV Menerangkan mengenai ayat al-Quran yang telah dinasakh dan dimansuhkan.

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

S9 Berikut ini adalah jenis-jenis qiyas **kecuali**

- A qiyas adna
- B qiyas aula
- C qiyas jaliy
- D qiyas musawi

S10 *Khuluq* dalam bahasa Melayu bermaksud

- I perangai
- II budi pekerti
- III penampilan diri
- IV tingkahlaku dan tabiat

- A I, II dan III
- B III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S11** Pengertian akhlak menurut Imam al-Ghazali ialah

- A keadaan jiwa yang mendorong jiwa melahirkan perbuatan tanpa pemikiran dan penelitian
- B keadaan jiwa yang mendorong jiwa melahirkan perbuatan melalui pengembelengan pemikiran yang mendalam
- C suatu keadaan yang tertanam di dalam jiwa yang menampilkan perbuatan atau tingkahlaku secara mudah tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian
- D suatu keadaan yang tertanam di dalam jiwa yang ditampilkan melalui usaha dan tingkahlaku secara bersungguh-sungguh berasaskan pemikiran dan penelitian yang mendalam

**S12** Berikut adalah sifat Mazmumah.

- A 'Ujub
- B 'Raja'
- C 'Khauf
- D 'Tawaddhu'

Soalan 13 berdasarkan pernyataan 1

*“...kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihatNya, jika sekiranya kamu tidak dapat melihatNya maka sesungguhnya Dia melihat kamu....”*

Pernyataan 1

**S13** Pilih tindakan yang tepat merujuk kepada dalam pernyataan 1.

- A Iman
- B Ihsan
- C Islam
- D Soleh

**S14** Berikut pernyataan yang paling benar mengenai hukum mempelajari ilmu Tauhid.

- A Fardhu kifayah ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah s.w.t. secara ijmal beserta dalil
- B Fardhu ain ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah s.w.t. secara tafsil beserta dalil
- C Fardhu ain ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah s.w.t. sama ada secara ijmal atau tafsil beserta dalil ijmal
- D Fardhu ain ke atas setiap mukallaf bagi mengetahui sifat-sifat Allah s.w.t. sama ada secara ijmal atau secara tafsil beserta dalil tafsil

- S15** Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai Qadha' kecuali
- A boleh tertolak dengan sebab doa
  - B terbahagi dua iaitu Mubram dan Mu'alla
  - C penetapan rezeki, hidup, mati dan jodoh sejak azali
  - D pelaksanaan ketetapan Allah sejak azali terhadap makhluk
- S16** Berapakah jumlah ayat, surah dan juzuk di dalam Al-Quran?
- A 6,666 ayat, 144 surah dan 30 juzuk
  - B 6,666 ayat, 114 surah dan 30 juzuk
  - C 6,666 ayat, 124 syarah dan 30 juzuk
  - D 6,666 ayat, 134 syarah dan 30 juzuk
- S17** Siapakah pengumpul hadith pada pertengahan kurun pertama hijrah?
- A Ibnu Mas'ud
  - B Malik bin Anas
  - C Umar bin Abdul Aziz
  - D Hammam bin Munabbih
- S18** Apakah penekanan utama dalam pengajaran al-Quran?
- A Sifat semulajadi manusia
  - B Konsep ketauhidan Allah s.w.t
  - C Kepentingan memperakui kewujudan Allah s.w.t
  - D Akhlak dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah s.w.t
- S19** Apakah nama ilmu yang membincangkan tentang pelbagai jenis keindahan makna dan perumpamaan dalam ayat-ayat al-Quran?
- A *Badi' al-Quran*
  - B *Aqsam al-Quran*
  - C *Hujajil al-Quran*
  - D *Gharib al-Quran*
- S20** Siapakah yang ditugaskan untuk mengumpulkan wahyu ke dalam satu mashaf?
- A Zaid bin Thabit
  - B Khalifah Abu Bakar
  - C Abdullah bin Zubair
  - D Abu Aswad al-Duwali

**S21** Nyatakan bentuk-bentuk penerimaan hadis.

- I *Al-Sama'*
- II *Al-Ijazah*
- III *Al-Wasiah*
- IV *Al-Munawalah*
  
- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S22** Dari sudut istilah tauhid bermaksud

- I mengiktikad keEsaan Allah s.w.t
- II keyakinan berdasarkan dalil-dalil aqliah
- III mengEsakan sifat dan perbuatan Allah s.w.t.
- IV mengEsakan Allah s.w.t. tanpa melakukan syirik
  
- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

**S23** Siapakah tokoh terawal dalam kalangan Khulafa' al-Rasyidin terlibat dalam mempelopori ilmu-ilmu al-Quran?

- I Ibnu Mas'ud
- II Malik bin Anas
- III Umar bin Khattab
- IV Ali bin Abi Thalib
  
- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

**S24** Apakah makna akidah?

- A kepercayaan yang tersimpul sehingga tidak mungkin akan terhurai atau terputus walau oleh apa jua keadaan dan suasana
- B kepercayaan yang tersimpul dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terhurai atau terputus walau oleh apa jua keadaan dan suasana
- C kepercayaan yang tersimpul kukuh dan teguh dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terhurai atau terputus walau oleh apa jua keadaan dan suasana
- D kepercayaan yang tersimpul kukuh dan teguh dalam pandangan manusia sehingga tidak mungkin akan terhurai atau terputus walau oleh apa jua keadaan dan suasana

- S25** Ahli Sunnah Wal Jamaah dikenali juga dengan nama
- A Ahlu Sunnah, al Jamaah, as-Salaf as-Soleh dan Ahlul Hadith
  - B Ahlu Sunnah, al Jamaah, as-Salaf as-Solehah dan Ahlul Kitab
  - C Ahlu Sunnah, al Jamaah al Sunnah, as-Salaf as-Soleh dan Hadith
  - D Ahlu Sunnah, al Jamaah, as-Salaf as-Solehin dan Ahlu Hadith wal Kitab
- S26** Mengapakah gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak digunakan semasa zaman para sahabat?
- A Gelaran sahabat lebih mulia dan tinggi kedudukannya
  - B Para sahabat tidak tergolong dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah
  - C Ahli Sunnah Wal Jamaah belum wujud di zaman para sahabat
  - D Para sahabat tidak sesuai menggunakan gelaran Ahli Sunnah Wal Jamaah
- S27** Berikut antara sebab istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah digunakan secara meluas **kecuali**
- A membezakan kelompok umat Islam yang mengamalkan Islam dengan golongan bid'ah yang sesat
  - B membezakan kelompok umat Islam dengan beberapa mazhab atau aliran akidah yang bercanggah daripada Islam
  - C membezakan kelompok umat Islam dari golongan Muktazilah yang mendahului akal dari dalil al-Quran dan al-Hadith
  - D membezakan kelompok umat Islam dari golongan orang bukan Islam yang mengemukakan hujjah menolak Allah sebagai Tuhan
- S28** Siapakah tokoh-tokoh Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- I Abu A'la Al-Maududi
  - II Abu Nasir Al-Maturidi
  - III Abu Hasan Al-Asy'ari
  - IV Abu Mansur Al-Maturidi
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
- S29** Nyatakan prinsip-prinsip Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah?
- I Berpegang dengan prinsip as-Salaf as-Soleh
  - II Berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah
  - III Mereka tidak mencela dan mengkafirkan orang yang tidak sealiran dengan mereka
  - IV Jika terdapat perselisihan pandangan, mereka merujuk kepada al-quran dan as-sunnah
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S30** Berikut adalah antara ciri-ciri manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah **kecuali**

- A mendahulukan akal dari nas syarak
- B melakukan *amar ma'ruf dan nahi munkar*
- C berusaha menyekat perkara yang membawa kepada bid'ah
- D kata-kata, pendapat dan tafsiran sahabat dikira sebagai hujjah

Soalan 31 dan Soalan 32 berdasarkan pernyataan 2

Firman Allah S.W.T:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ

Maksudnya:

*Bahwasanya orang-orang yang berjanji setia kepada kamu sesungguhnya mereka berjanji setia kepada Allah, tangan Allah di atas tangan-tangan mereka*

Pernyataan 2

**S31** Ayat yang digariskan di dalam pernyataan 2 di atas dinamakan sebagai ayat

- A *muhkamat*
- B *mufassirat*
- C *mutahaddisat*
- D *mutasyabihat*

**S32** Pilih pernyataan yang benar berkenaan tafsiran ayat bergaris di dalam pernyataan 2 di atas.

- A Golongan salaf mentakwilkan ayat tersebut dengan menyatakan maksud tangan Allah s.w.t. sebagai kekuasaan Allah s.w.t.
- B Golongan khalaf mentakwilkan ayat tersebut dengan menyatakan maksud tangan Allah s.w.t sebagai pandangan Allah s.w.t.
- C Golongan khalaf tidak mentakwilkan ayat tersebut dan menyatakan Allah Maha Suci dari segala sifat-sifat yang menyerupai makhlukNya
- D Golongan salaf tidak mentakwilkan ayat tersebut dan menyatakan Allah Maha Suci dari segala sifat-sifat yang menyerupai makhlukNya

**S33** Siapakah pemerintah yang menukarkan dasar pemerintahan daripada fahaman Muktazilah kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan rasmi negara?

- A Al-Makmun
- B Al-Muktasim
- C Al-Mutawakkil
- D Al-Muawiyah



- S34** Apakah satu daripada tindakan Rasulullah s.a.w.dalam melaksanakan amanah mengembangkan akidah tauhid?
- A Menilai akidah diri
  - B Menilai bentuk akidah
  - C Membina kekuatan diri
  - D Membina akidah yang benar
- S35** Siapakah golongan pertama keluar dari akidah Ahli Sunnah Wal Jamah disebabkan pertelingkahan politik?
- A Syiah
  - B Murji'ah
  - C Khawarij
  - D Muktazilah
- S36** Berikut adalah pandangan Syiah terhadap Saidina Ali **kecuali**
- A dianggap sebagai Tuhan kepada pengikut-pengikutnya
  - B berperanan menimbulkan masalah dalam kalangan khalifah
  - C lebih berhak menjadi nabi Allah daripada Nabi Muhammad s.a.w.
  - D berhak menjadi khalifah sebagai pengganti Nabi Muhammad s.a.w.
- S37** Siapakah golongan yang dikenali sebagai *Muktazilah*?
- A Berfahaman Yahudi
  - B Mendahului logik akal
  - C Menafikan takdir Allah s.w.t.
  - D Menggugat kestabilan negara
- S38** Apakah punca pertelingkahan antara Wasil bin Ata' dengan gurunya Hassan al-Basri yang menyebabkan lahirnya golongan Muktazilah?
- A Melakukan syirik kepada Allah
  - B Perjawatan dalam khilafah Islam
  - C Kedudukan orang melakukan dosa
  - D Kepercayaan terhadap Nabi Muhammad sebagai nabi
- S39** Berikut adalah antara ciri-ciri ajaran sesat **kecuali**
- A guru mesti merahsiakan ajarannya
  - B guru boleh menebus dosa dengan wang
  - C guru sebagai wali dan mempunyai keramat tertentu
  - D guru pengikut ajaran Islam Nabi Muhammad s.a.w

- S40** Apakah pegangan golongan Qadariyyah yang menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah?
- A Menafikan kuasa manusia
  - B Menafikan takdir Allah s.w.t
  - C Mengatakan Allah s.w.t. pencipta
  - D Menidakkan kekuasaan Allah s.w.t.
- S41** Apakah penyumbang utama kepada perkembangan ajaran sesat di Malaysia?
- A Umat Islam menjauhi para ulama'
  - B Umat Islam terlalu berpandangan jauh
  - C Umat Islam terlalu ingin menjadi pemimpin
  - D Umat Islam menjauhi al-Quran dan al-Sunnah
- S42** Berikut adalah kepercayaan dan amalan tradisi yang berhubung dengan amalan mistik dan kultus kecuali
- A pertapaan di atas wakaf
  - B kepercayaan kepada kuasa-kuasa kesaktian
  - C pemujaan terhadap orang-orang yang dianggap wali
  - D pemujaan terhadap tempat-tempat yang dianggap keramat

Soalan 43 hingga soalan 45 berdasar pernyataan 3

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>A Black Metal</li><li>B Darul Arqam</li><li>C Ajaran Ayah Pin</li><li>D Tariqat Naqsyabandiyah Kadirun Yahya</li></ul> |
|--|

Pernyataan 3

- S43** Pengikut aliran ini dikehendaki menggambarkan wajah guru semasa beribadat dan hendaklah bersuluk di Pencabudi Medan sekiranya tidak mampu ke Mekah.
- S44** Pengasas aliran ini mendakwa telah bertemu dan berdialog dengan Rasulullah s.a.w secara sedar.
- S45** Ajaran dalam aliran ini membuat penambahan nama syeikh tariqat dalam lafaz syahadah.

- S46** Apakah faktor utama wujudnya aliran pemikiran *Jabariyyah* yang dipelopori oleh *al-Ja'd Ibn Dirham dan Jahm Ibn Safwan* di abad ke-2?
- A Kerana golongan *Qadariyyah* sudah pupus
  - B Golongan *Qadariyyah* beransur hilang pengaruh
  - C Tindak balas ke atas kemunculan golongan *Qadariyyah*
  - D Golongan *Jabariyyah* lebih baik daripada golongan *Qadariyyah*
- S47** Sumber-sumber hukum fiqh yang disepakati oleh kebanyakan ulama adalah
- A al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas
  - B al-Quran, sunnah, al-ra'y dan istihsan
  - C al-Qiyas, ijmak, sunnah dan amaslahah
  - D al-Quran, sunnah, qaul sahabi dan qiyas
- S48** Apakah ilmu yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan (istinbat) hukum?
- A Fiqh
  - B Usul Fiqh
  - C Ulum Quran
  - D Ulum Hadith
- S49** Tokoh mujtahid fiqh terulung yang lahir dari kalangan Madrasah al-Hadith ialah
- A Malik bin Anas
  - B Said ibn Musayib
  - C Urwah Ibn Zubair
  - D Abu Bakar al-Siddiq
- S50** Mujtahid fiqh terulung yang cenderung kepada aliran al- ra'y ialah
- A Imam Ghazali
  - B Imam Abu Hanifah
  - C Abdullah ibn Masud
  - D Aswad ibn Yazid al-Nakhai
- S51** Apakah nama lain bagi al-Qur'an?
- A Al-Kitab, al-Asyir, al-Tanzil dan al-Zikr
  - B Al-kitab, al-Furqan, al-Tanzil dan al-Fiqr
  - C Al-kitab, al-Furqan, al-Wasil dan al-Zikr
  - D Al-kitab, al-Furqan, al-Tanzil dan al-Zikr
- S52** Apakah maksud perkataan al-Furqan?
- A Penyampaian melalui malaikat Jibril
  - B Pemberitahuan yang dibaca dan ditulis
  - C Peringatan kepada kaum yang beriman
  - D Pembeza antara yang hak dan yang batil

- S53** Generasi terawal umat Islam tidak memerlukan satu ilmu tertentu bagi memahami ayat-ayat al-Quran kerana
- I Rasulullah s.a.w. dijadikan rujukan utama dalam permasalahan yang dihadapi oleh sahabat
  - II umat Islam belum terdedah kepada situasi dan keadaan yang memerlukan ilmu khas dalam menyelesaikan permasalahan umat
  - III Rasulullah s.a.w. tidak memberi peluang kepada sahabatnya untuk berjihad dalam mencari ilmu-ilmu untuk memahami kehendak wahyu
  - IV generasi awal umat Islam sangat faham dengan al-Quran sehingga tidak memerlukan ilmu-ilmu sokongan untuk memahami kehendak wahyu
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D Semua di atas
- S54** Peperangan yang melibatkan ramai penghafaz al-Quran terbunuh selepas wafatnya Nabi Muhammad s.a.w. adalah perang
- A Badar
  - B Siffin
  - C Uhud
  - D Yamamah
- S55** Antara bentuk-bentuk penerimaan hadith adalah
- A al-Sama', al-Qira'ah, al-Ijazah dan al-Munawalah
  - B al-Baqah, al-Qira'ah, al-Ijazah dan al-Munawalah
  - C al-Sama', al-Qira'ah, al-Ijazah dan al-Mutawatirah
  - D al-Sama', al-Bid'ah, al-Ijazah dan al-Munawalah
- S56** Muamalat ialah tatacara atau peraturan dalam perhubungan manusia untuk memenuhi keperluan masing-masing yang berlandaskan syariat Allah s.w.t. melibatkan bidang \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ Islam.
- A ekonomi, sosial
  - B ekonomi, pentadbiran
  - C sosial, pentadbiran korporat
  - D politik, pengurusan kewangan
- S57** Pengertian wadi'ah dari segi istilah ialah
- A memberikan kuasa kepada orang lain untuk menjaga harta
  - B meletakkan sesuatu harta kepada orang lain dengan tujuan perniagaan
  - C membuat penebusan hasil keuntungan daripada sesuatu transaksi jualbeli
  - D memberikan hak penjagaan harta kepada orang lain bagi mendapatkan keuntungan

**S58** *Mudharabah* terbahagi kepada dua iaitu

- A *Mudharabah Mutlaah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
- B *Mudharabah Mulaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
- C *Mudharabah Mutlaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*
- D *Mudharabah Mufawaqah* dan *Mudharabah Muqayyadah*

**S59** Prinsip muamalat Islam ialah

- I berteraskan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t.
  - II sentiasa menerapkan sifat-sifat mulia dalam mencari harta kekayaan
  - III bertujuan untuk mengaut keuntungan daripada aktiviti perniagaan harian
  - IV harta yang diperolehi digunakan pada perkara-perkara yang haram dan memudaratkan
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

**S60** Manakah **bukan** prinsip syariah dalam sistem muamalat Islam?

- I Riba
  - II Gharar
  - III Syubhah
  - IV Penipuan
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S61** Antara faktor takaful diharuskan dalam Islam adalah

- I tidak bertujuan mengaut keuntungan
  - II tidak berbentuk perniagaan yang berorientasikan keuntungan
  - III berbentuk '*uqud mu'awadah maliah* (kontrak jual beli atau perniagaan)
  - IV berbentuk sumbangan derma kepada individu yang menerima musibah
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

- S62** Matlamat pelaksanaan undang-undang Islam adalah seperti berikut **kecuali**
- A pemulihan
  - B persamaan
  - C pencegahan
  - D pembalasan
- S63** Cara pensabitan *qazaf* adalah seperti berikut **kecuali**
- A sumpah
  - B pengakuan tertuduh
  - C *qarinah* atau ada bukti
  - D keterangan dua orang saksi
- S64** Syarat yang membolehkan peminum arak dikenakan hukum hudud adalah seperti berikut **kecuali**
- A tahu haram
  - B tidak darurat
  - C bukan dipaksa
  - D tiada kesamaran
- S65** Pembahagian takzir adalah seperti berikut **kecuali**
- A pentingan awam
  - B kesalahan kecil
  - C perbuatan jenayah
  - D perbuatan maksiat
- S66** Hukuman bagi perompak yang mengganggu ketenteraman awam adalah
- A disalib
  - B balas bunuh
  - C buang daerah
  - D potong tangan secara bersilang
- S67** Hukuman bagi penzina *muhsan* adalah
- A dibunuh
  - B buang daerah
  - C sebat seratus kali
  - D rejam sampai mati

**S68** Apakah kedudukan penjenayah bukan Islam dibawah undang-undang jenayah Islam?

- A Salib
- B Qisas
- C Civil
- D Takzir

**S69** Undang-undang jenayah Islam merujuk kepada tiga komponen utama

- A qisas, takzir dan qazaf
- B qazaf, hudud, dan qisas
- C takzir, qisas, dan hudud
- D hudud, qazaf dan qisas

**S70** Apakah yang dimaksudkan dengan bekerja penuh azam untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.?

- A Bekerja dengan bersungguh-sungguh walaupun tidak mendapat pujian daripada orang ramai
- B Bekerja dengan mengikut segala suruhan Allah s.w.t. walaupun tidak mendapat pujian daripada orang ramai
- C Bekerja dengan penuh keyakinan dan istiqomah walaupun tidak mendapat pujian daripada orang ramai
- D Bekerja dengan penuh iltizam untuk menyumbangkan idea kepada ahli masyarakat yang memerlukannya

**S71** Apakah yang dimaksudkan etika individu?

- A Kualiti yang berkaitan dengan sifat jujur individu yang sentiasa berpegang pada kebenaran
- B Himpunan nilai pada diri individu yang membezakan antara yang benar dan salah, baik dan buruk
- C Menggariskan apa yang boleh dibuat atau tidak boleh dibuat oleh seseorang profesyen yang diceburuinya
- D Garis panduan bagi individu untuk menjalankan tugas secara benar dan salah, baik dan buruk, patut dan boleh dilakukan

**S72** Apakah yang dimaksudkan dengan perkahwinan?

- A Satu peraturan yang digariskan oleh Allah dalam Al-Quran.
- B Syariat yang mengatur urusan berkaitan hubungan lelaki dan wanita melalui perkahwinan.
- C Ikatan yang mengharuskan perhubungan antara lelaki dan perempuan mengikut syarat tertentu.
- D Membentuk sebuah keluarga yang bahagia yang sentiasa berpandukana pada bimbingan al-Quran dan al-Sunnah

**S73** Maksud hadis Rasulullah s.a.w.

*"Wanita dikahwini kerana empat sebab, iaitu kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah yang taat kepada agama nescaya kamu akan beruntung."*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Apakah perkara terkandung dalam hadis di atas?

- A Keturunan
- B Berkasih-sayang
- C Hak memilih pasangan
- D Mengeratkan silaturahim

**S74** Apakah tanggungjawab bersama suami dan isteri?

- I Mendidik anak-anak
  - II Hormat menghormati
  - III Taat setia perintah suami
  - IV Memelihara keharmonian rumahtangga
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S75** Apakah langkah-langkah yang sesuai bagi mendidik isteri yang nusyuz?

- I Nasihat dan teguran
  - II Asingkan tempat tidur
  - III Terus menceraikan isteri
  - IV Pukul hingga memudaratkan
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV



**S76** Apakah perkara yang menyebabkan wajib nafkah ke atas seorang suami?

- A Perkahwinan yang sah
- B Ada harta yang berlebihan
- C Isteri tidak mempunyai pendapatan
- D Keluarga yang benar-benar memerlukan bantuan

**S77** Apakah pengertian fasakh?

- A Membatalkan perkahwinan melalui kuasa kadi
- B Membatalkan perkahwinan melalui kuasa sivil
- C Membatalkan perkahwinan melalui kuasa hakim
- D Membatalkan perkahwinan melalui kuasa isteri

**S78** Berikut sebab-sebab yang mengharuskan fasakh.

- I Suami menghilangkan diri
- II Perkahwinan yang dilakukan oleh suami tidak sekupu
- III Perkahwinan yang dilakukan oleh suami yang mati pucuk
- IV Perkahwinan yang dilakukan oleh suami penyakik berjangkit

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S79** Firman Allah yang bermaksud :

*“Maka kahwinilah wanita-wanita (lain) yang kamu senangi: dua, tiga, atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak dapat berlaku adil, maka (kahwinilah) seorang saja”  
(surah an-Nisa’: 3)*

Apakah intipati dalam firman Allah s.w.t. di atas?

- A Kewajipan poligami
- B Keharusan poligami
- C Larangan monogami
- D Pengharaman monogami

**S80** Siapakah yang diberi keutamaan memelihara anak yang belum mumayyiz apabila ibu bapa bercerai?

- A Ibu
- B Bapa
- C Nenek
- D Ibu Saudara